

## Penyatuan Syariah dan Undang-Undang: Ke Arah Penyempurnaan Negara Zikir

Abdul Mohaimin Noordin Ayus\*

**Abstrak:** Negara Zikir adalah manifestasi sebuah negara yang mengagungkan dan menjunjung tinggi agama Islam dengan menyebar-luaskan ajaran-ajaran dan amalan yang dibawanya. Aspirasi dan azam Brunei Darussalam adalah untuk menjadikan negara ini benar-benar sebuah Negara Zikir yang mendaulatkan hukum, undang-undang syariat Allah, meluaskan nilai dan amalan akhlak mulia, menghormati jiran serta semua sahabat dan rakan di seluruh jagat. Persoalannya, bagaimana aspirasi dan azam Negara Zikir akan tercapai bilamana terdapat dua sistem perundangan terus berjalan selari di atas landasan yang berbeza: sistem perundangan Syariah dan sistem undang-undang yang dibawa masuk oleh British. Mungkinkah selagi ada *dichotomy* antara sistem pentadbiran keadilan undang-undang dan sistem pentadbiran keadilan Syariah, yang berasingan, kesempurnaan Negara Zikir boleh dicapai sepenuhnya? Penulis cuba menggambarkan bagaimana jurang pengasingan itu dapat dikurangkan agar amalan dalam seluruh aspek kehidupan di negara ini, seperti yang tergambar dalam konsep *al-dīn al-Islām*, dapat menjurus ke arah pembentukan Negara Zikir yang sempurna. Penulis menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif perbandingan dengan menyingkap pengalaman perundangan dari negara lain seperti Pakistan dan Malaysia sebagai contoh.

---

\* Profesor Dr Haji Abdul Mohaimin bin Haji Noordin Ayus, Profesor di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam.  
Emel: mohaimin.ayus@unissa.edu.bn

**Kata kunci:** Negara Zikir - Undang-undang - Syariah - mendaulatkan syariat Allah – *ḥudūd – ta'zīr*

**Abstract:** *Zikir* Nation is the manifestation of a nation which aggrandises and upholds Islamic religion by spreading across all the teachings and practices embodied within. The aspiration and determination of Brunei Darussalam is to establish truly a *Zikir* Nation in reverence of Allah by enforcing the *Shariah* law ordained by Him, spreading moral values and practices, respect for neighbours as well as friends and acquaintances all over the globe. The question is how could the aspirations of *Zikir* Nation be fully achieved where two different legal systems in the country continue to run in parallel: ie. the Syariah legal system and the legal system introduced by the British. Could it be that, as long as there is a dichotomy between the two systems of the administration of justice, the fulfilment of the *Zikir* Nation aspirations could not be fully achieved? The author attempts to analyse how the gap could be reduced so that the whole aspects of life in this country, as reflected in the concept of *al-dīn al-Islām*, can lead to the fulfilment of a true *Zikir* Nation. The author sought the qualitative research method comparatively, looking into the legal experience of other countries like Pakistan and Malaysia, to illustrate the points.

**Keywords:** *Zikir* Nation - law – Shariah – empowering the laws of Allah – *ḥudūd – ta'zīr*.

### Pengenalan

Dalam Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha 1428H/2007M, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda (KDYMM PSB) Sultan dan Yang Di-

Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah bahawa, Baginda, in sya Allah, akan terus berazam untuk menjadikan Brunei Darussalam sebuah Negara Zikir yang sentiasa mengagungkan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, supaya Baginda dan rakyat serta seluruh negara selalu berada dalam perhatian dan pemeliharaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, sesuai dengan janji-Nya di dalam Surah al-Baqarah ayat 152 yang berbunyi:

﴿فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُون﴾

Maksudnya:

Oleh itu ingatlah kamu kepadaKu (dengan mematuhi hukum dan undang-undangKu), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepadaKu dan janganlah kamu kufur (akan nikmatKu).

“Negara Zikir”<sup>1</sup> adalah manifestasi dan jiwa sebuah negara yang mengagungkan dan menjunjung tinggi *al-dīn al-Islam*

---

<sup>1</sup> Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam, memberikan tarkrif “Negara Zikir” seperti berikut:

“Negara di mana ramai orang-orang berzikir; negara, yang sentiasa meriah dan kaya dengan zikir; negara, yang dibangun dan ditadbir dengan zikir; negara, yang dipertahan dan dipelihara dengan zikir. ‘Negara Zikir’ adalah negara yang berorientasi dan berpaksikan zikir: siasahnya siasah zikir, ekonominya ekonomi zikir, sosialnya sosial zikir, dan pertahanannya pertahanan zikir.”

Pengiran Dato Seri Setia Dr. Hj. Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman, mantan Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, mentakrifkan “Negara Zikir” seperti berikut:

“... ‘Zikir’ berasal dari Bahasa Arab yang bermakna ‘ingat’. Negara Zikir ialah negara yang bertuhan, negara yang rakyat dan penduduknya

dengan menyebar-luaskan ajaran-ajaran yang dibawahnya. Dalam konteks Brunei Darussalam, azam KDYMM PSB Sultan yang semakin kuat, adalah “untuk menjadikan negara ini benar-benar sebuah Negara Zikir yang mendaulatkan hukum dan undang-undang syariat Allah di dalamnya, dengan akhlak mulia menjadi pakaiannya, di samping juga pandai menghormati jiran dan ikhlas menghulurkan tangan kepada semua sahabat dan rakan di seluruh jagat”.<sup>1</sup>

### Hipotesis artikel

Artikel ini dirangka berdasarkan hipotesis bahawa tanpa penyatuan sistem undang-undang dan Syariah, kesempurnaan Negara Zikir tidak dapat dicapai sepenuhnya. Selagi ada *dichotomy* atau pengasingan antara sistem pentadbiran keadilan undang-undang dan sistem pentadbiran keadilan Syariah, dalam erti kata, sistem keadilan (*judicial system*), perundangan (*legal & legislative*), penguatkuasaan (*enforcement*), dan sistem pemulihan (*correctional*), yang berasingan, kesempurnaan Negara Zikir dikhuatiri tidak

---

selalu mengingat Tuhan. Tuhan itu ialah Allah Subhanahu wa Ta'ala, bukannya Tuhan dalam fahaman agama lain. Jika demikian, maka 'Negara Zikir' iu ialah negara Islam yang berpegang teguh kepada ajaran Islam, mengamalkan dan menghayatinya dari segi akidah, Syariah dan akhlaknya.”

(Lihat “Negara Zikir: Azam, Keperluan dan Perlaksanaan”, himpunan Kertas Kerja Seminar Negara Zikir, Majlis Ilmu 2008, Bandar Seri Begawan: Jabatan Perdana Menteri, hal. 3-20, dan 147-163. Lihat juga Pengiran Anak Haji Amiruddin Alam Shah Pengiran Anak Haji Ismail, *et al. Ensiklopedia Negara Zikir*. Jilid I: Pengenalan. Gadong: UNISSA Press, hal. 240.

<sup>1</sup> Laman web Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. <[http://religious-affairs.gov.bn/index.php?ch=bm\\_bersama\\_timbmenteri&pg=bm\\_timbmenteri\\_lain&ac=241&lang=en](http://religious-affairs.gov.bn/index.php?ch=bm_bersama_timbmenteri&pg=bm_timbmenteri_lain&ac=241&lang=en)> (dirujuk 8.4.2014).

tercapai sepenuhnya. Maka amalan dalam seluruh aspek kehidupan, seperti yang tergambar dalam ruang lingkup *al-dīn al-Islām* di negara ini turut tidak sempurna.

### **Sistem Pentadbiran Keadilan Jenayah di Brunei: Suatu Renungan<sup>1</sup>**

Dalam mengamati isu di atas, penulis merujuk kepada Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan yang menegaskan seperti berikut:

“Pada hemat Beta, dengan kita mempunyai dua sistem perundangan dan dua sistem kehakiman, syarak dan sivil, adalah tiada masalah jika ia dikekalkan berjalan seiring.

Yang sivil saja kita sudah banyak menyesuaikan dengan kehendak ugama, lagipun bukan semua sivil itu bertentangan dengan syarak. Mana-mana yang tidak bertentangan dengan syarak kita kekalkan ia, sementara yang bertentangan saja kita sesuaikan dengan kehendak syarak.

Matlamat kita cuma untuk mencari yang terbaik di dunia dan di akhirat. ... Pada hemat Beta, Akta Jenayah Syarak tidak akan ada masalah jika kita memilikinya, di samping terus mengekalkan apa yang ada.

Kita perlu menelitinya dengan alasan-alasan berikut: Kerana ia adalah undang-undang Allah dan kita dituntut supaya melaksanakannya. Kita

---

<sup>1</sup> Lihat juga perbincangan penuh dalam A. Mohaimin Ayus. (2011). Memperkasakan Undang-undang Jenayah Syarak: Analisis Perundangan Perbandingan Antara Brunei dan Malaysia. *Prosiding Seminar Isu-Isu Kontemporari Dalam Syariah dan Undang-undang*. Bandar Seri Begawan: Fakulti Syariah dan Undang-undang, UNISSA, hal. 76-108.

dengan Ugama Islam.<sup>1</sup> Perkara 3(4) Perlembagaan Brunei Darussalam memperuntukan:

“... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, setelah berunding dengan Majlis Ugama Islam, tetapi tidak semestinya mengikut nasihat Majlis itu, membuat undang-undang mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan Ugama Islam.”<sup>2</sup>

Atas status negara sebagai ‘Negara Islam’ dan kuasa membuat undang-undang mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Ugama Islam, seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 3(4) Perlembagaan itu, dan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan sebagai Ketua Ugama Islam, maka, pada hakikatnya, tiada halangan perlembagaan dan perundangan bagi Brunei Darussalam untuk memperkenalkan dan menguatkuasakan “Akta Jenayah Syarak” yang telah dititahkan oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan itu.

Bagi Undang-undang Sivil, kuasa membuat undang-undang juga diperuntukkan di bawah Perlembagaan ini. Perkara 39 Perlembagaan Brunei menyatakan:

“Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang bagi keamanan, ketenteraman, keselamatan dan pemerintahan yang baik Negara Brunei Darussalam.”

---

<sup>1</sup> Perkara 3(3), Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

<sup>2</sup> *Ibid.*, Perkara 3(4).

Kuasa membuat undang-undang di bawah Perkara 39 ini dijalankan oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi tujuan membuat undang-undang berkaitan keamanan, ketenteraman dan keselamatan negara. Ia juga memberi kuasa kepada KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan untuk membuat undang-undang berkaitan pemerintahan yang baik bagi kerajaan Baginda.

Bila negara berada dalam keadaan darurat, kuasa membuat undang-undang KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan diperuntukkan di bawah Perkara 83(3) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Keadaan ini wujud, jika pada pendapat KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan akan berlaku, terdapat atau telah timbul suatu kejadian darurat atau kejadian yang membahayakan orang ramai yang dengan kerananya keselamatan atau kehidupan ekonomi negara adalah atau mungkin terancam, sama ada oleh peperangan atau serangan dari luar atau kekacauan dalam negeri, yang sebenarnya atau yang diancam, maka Baginda boleh dengan "Pemasyhuran Darurat"<sup>1</sup> mengisytiharkan suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam atau dalam bahagiannya. Keadaan darurat ini diperbaharui setiap dua tahun sejak tahun 1962.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Lihat Perkara 83(1) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

<sup>2</sup> "83A. (1) Adalah dengan ini diisytiharkan bagi mengelakkan kewahaman bahawa setiap undang-undang yang ada termasuk — (a) tiap-tiap satu Pemasyhuran Darurat yang mengisytiharkan suatu keadaan Darurat di dalam Negara Brunei Darussalam yang dibuat di bawah Perkara 83, bermula dengan Pemasyhuran Darurat yang dibuat pada 12hb Disember 1962 dan selepas itu tiap-tiap 2 tahun dan berakhir dengan Pemasyhuran Darurat yang dibuat pada 16 haribulan Muharram Tahun Hijrah 1425 bersamaan dengan 8 haribulan Mac 2004; dan (b) tiap-tiap satu Perintah, Surat Perintah, Akta, Undang-Undang atau undang-undang bertulis lain yang dibuat di bawah Perkara 83 sepanjang tempoh darurat yang tersebut itu, hendaklah dianggap telah diluluskan

secara bersultan dengan rasminya sejak awal kurun ke-15 Masihi dengan pengislaman Sultan Muhammad Shah (Awang Alak Betatar). Negara kesultanan Melayu Islam ini berterusan hingga ke hari ini.<sup>1</sup> Dengan pengislaman Sultan dan rakyat Brunei di ketika itu, syariat Islam serentak diperkenal dan dikuatkuasakan.

Perlaksanaan undang-undang Islam telah berlaku di Brunei Darussalam dan ini terbukti dengan terdapatnya dua naskhah undang-undang Islam Brunei yang dikanunkan:

- (1) Hukum Kanun Brunei, dan
- (2) Undang-undang dan Adat Brunei Lama.

Hukum Kanun Brunei mengandungi 47 fasal yang mana semangat keseluruhan dan kandungan hukum ini adalah sesuai dengan Hukum Syara' dan berasaskan undang-undang Islam, meliputi undang-undang jenayah *hudūd*, *qisās* dan *ta'zīr*. Terdapat juga unsur-unsur hukum adat Melayu di dalamnya.<sup>2</sup>

Menurut catatan Pemangku Konsul General British, WH Treacher, yang telah datang ke Brunei pada tahun 1871, sebelum Brunei berada di bawah naungan British, beliau

---

<sup>1</sup> *Ibid.*, hal 19. Lihat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Muhammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman. (2007). *Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984)*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, hal. 68-93. Dalam pengamatan Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Muhammad, di hal. 92, "Berdasarkan sumber China dan sumber tradisi, Awang Alak Betatar dipercayai menganut Islam pada atau sebelum 1371. Oleh itu kunjungan baginda ke Melaka pada awal abad ke-15 itu adalah dalam sifat baginda seorang raja atau sultan yang sudah menganut Islam sejak lebih tiga puluh tahun sebelumnya."

<sup>2</sup> Prof. Dato' Dr. Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman. (1996). *Perlaksanaan dan Pentadbiran Undang-undang Islam di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan*, hal. 22-24.

telah mengadap Sultan Brunei pada ketika itu dan melaporkan bahawa beberapa orang telah mencuri barangan, termasuk sebuah jam tangan emas dan selaras senapang dari kapal perang British yang berlabuh di Sungai Brunei. Tiga orang yang terlibat mencuri barangan tersebut telah ditangkap dan dihukum potong tangan, dan barang-barang yang dicuri itu dikembalikan.<sup>1</sup> Catatan sejarah turut merakamkan bahawa kesemua Sultan Brunei adalah pemerintah yang mendukung dan mengembang syariat Islam belaka.<sup>2</sup> Keadaan ini berterusan dari Sultan ke Sultan yang lain hingga ke hari ini, walaupun terdapat sedikit kongkongan tatkala Brunei Darussalam berada di bawah naungan dan pengaruh British.

### *Campurtangan British dan Kesannya kepada Perundangan Islam*

Campurtangan British di Brunei bermula dengan perjanjian persahabatan dan perniagaan dalam tahun 1847, bila beberapa kegiatan asing mula mengancam kedudukan dan keselamatan Brunei. Pada tahun 1888, Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin telah menandatangani Perjanjian Naungan dengan Kerajaan Inggeris, kerana mempertahankan kewujudan negeri Brunei.<sup>3</sup> Kedatangan British telah mengambil alih pentadbiran keadilan keseluruhannya, kecuali pentadbiran keadilan Islam dan, hingga ke suatu tahap, adat resam negara juga.

---

<sup>1</sup> *Ibid.*, hal. 25, dipetik dari WH Treacher.

<sup>2</sup> *Ibid.*, hal. 93.

<sup>3</sup> Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri. (2000). *Latar Belakang Sejarah Brunei*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah, hal. 40.

*Common law* yang pengaruhnya dibawa oleh hakim-hakim Inggeris kemudian disahkan pemakaiannya melalui Akta Pemakaian Undang-Undang (Penggai 2).<sup>1</sup> Di Brunei, Akta Pemakaian Undang-Undang telah berkuatkuasa mulai tahun 1951. Namun begitu, kesedaran terhadap aspirasi dan tanggungjawab terhadap ugama dan Syariahnya tidak luntur, malah semakin kuat dari semasa ke semasa.

Menurut bab 2 Akta Pemakaian Undang-Undang (Penggai 2), selagi tiada undang-undang bertulis dibuat oleh badan perundangan, *common law*, doktrin ekuiti, dan termasuk statut pemakaian am, seperti yang terpakai di England, akan diguna-pakai di Brunei. Akibatnya, pemakaian perundangan berunsur perundangan Inggeris ini berterusan di Mahkamah sivil, hingga sekarang. Namun begitu, syarat pemakaiannya adalah selagi anak watan negara membenarkan pemakaiannya dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana keadaan dan adat setempat memerlukannya. Walaupun terdapat syarat-syarat ini, pada amalnya Mahkamah tidak enggan untuk memakai perundangan *common law* dan yang lain-lain itu dengan mengandaikan bahawa rakyat membenarkan dan keadaan memerlukan pemakaiannya.

Perundangan Syariah yang terhad, bagaimanapun, tidak banyak dirasai sebagai perundangan arus perdana. Ia terus ditadbir berasingan di Mahkamah-mahkamah Syariah dengan bidangkuasa terhad yang meliputi perundangan keluarga dan jenayah yang berunsurkan hukuman *ta'zīr* semata-mata. Keadaan ini mula berubah sedikit demi sedikit dengan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, iaitu mulai 1 Mei 2014. Walaupun waktu

---

<sup>1</sup> Application of Laws Act (Cap. 2).

telah lebih 5 tahun berlalu, perubahan ini belum dirasakan sepenuhnya. Arah tuju pelaksanaan masih dilihat bergerak perlahan-lahan walaupun Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah, 2018 (PKPJMS 2018) telah diwartakan pada 5hb Mac 2018, tapi belum diisytiharkan kuatkuasaannya.<sup>1</sup>

### **Perlukah *dichotomy* sistem perundangan sivil dan perundangan Syariah diteruskan?**

Negara Pakistan, misalnya, yang sistem perundangan asalnya seakan-akan sama dengan Brunei, telah bermigrasi dari sistem *common law* dan undang-undang bertulis kepada perundangan Islam. Perubahan ini bermula dari perisytiharan yang telah dibuat oleh Presiden Pakistan, General Muhammad Zia-ul-Haq, pada 2hb Disember 1978. Sistem asalnya diubah tetapi undang-undang bertulis yang dipakai sejak diperkenalkan oleh British masih terus dipakai selagi undang-undang itu tidak bercanggah dengan Syariah dan diubahsuai supaya patuh Syariah atau serasi dengan

---

<sup>1</sup> Menurut makluman awal semasa pewartaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 (PKHJS 2013) (*Syariah Penal Code*) pada 22hb Oktober 2013, undang-undang jenayah Syariah ini akan dikuatkuasakan menurut tiga fasa: fasa pertama, penguatkuasaan kesalahan yang membawa kepada hukuman *ta'zīr* (kecuali yang membawa kepada hukuman mati) yang bermula selepas enam bulan dari tarikh pewartaan PKHJS 2013; fasa kedua PKHJS 2013, akan berkuatkuasa selepas 12 bulan dari tarikh pewartaan Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah, 2018 (PKPJMS 2018) (*Syariah Criminal Procedure Code*), iaitu penguatkuasaan semua kesalahan selain dari kesalahan yang membawa kepada hukuman mati; dan fasa ketiga ialah penguatkuasaan menyeluruh semua kesalahan dalam PKHJS 2013 yang akan dikuatkuasakan selepas 24 bulan dari tarikh pewartaan PKPJMS 2018. PKPJMS 2018 telah diwartakan pada 5hb Mac 2018, tetapi penulis dimaklumkan bahawa tarikh penguatkuasaan PKPJMS 2018 masih belum diisytiharkan.

sahaja, mirip kaedah pembuktian yang diamalkan dalam perbicaraan jenayah di Mahkamah Sivil. Maka munasabahlah jika negara Pakistan mengangkat kesalahan-kesalahan dalam Kanun Keseksaan sebagai *ta'zīr*, ganti kepada hukuman *ḥadd*, jika sesuatu kesalahan yang serupa tidak dapat dibuktikan bagi tujuan *ḥadd* tersebut.

Bagi kesalahan yang mengundang hukuman *qīṣās* seperti *qatl* (pembunuhan) dan kesalahan mendatangkan kecederaan, negara Pakistan telah meminda peruntukan-peruntukan dalam Kanun Keseksaan berkaitan pembunuhan dan kecederaan dengan peruntukan *qīṣās* seperti yang dikehendaki Hukum Syara'. Pakistan tidak mengadakan peruntukan itu secara berasingan, malah menggantikan peruntukan pembunuhan dan kecederaan dalam Kanun Keseksaan dengan kesalahan dan kaedah penghukuman serta penyelesaiannya dengan peraturan dan kaedah Hukum Syara'.<sup>1</sup>

#### **Apakah jawapan kepada hipotesis di atas?**

Hipotesis menyarankan jika tiada penyatuan undang-undang dan Syariah kesempurnaan Negara Zikir mungkin tidak terasa kesannya secara keseluruhan di Negara Brunei Darussalam. *Dichotomy* yang berterusan mungkin akan menjejaskan kesempurnaan sifat Negara Zikir itu. Namun begitu, langkah-langkah wajar dan munasabah perlu diambil untuk merapatkan jurang pengasingan dua sistem ini agar tidak berlaku ketidak-adilan kepada *manusia*, bukan semata-mata kepada rakyat beragama Islam, kerana yang dituntut dari kita ialah memperkasakan undang-undang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan apabila kita menjalankan hukum di antara manusia, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menyuruh

---

<sup>1</sup> Lihat Pakistan Penal Code (Act XLV of 1860), bab 299 hingga 338H.

kita menghukum dengan adil; dan sesungguhnya Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan suruhan dan perintah-Nya itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kita.<sup>1</sup> Sebagaimana yang selalu diucapkan, "segala apa yang baik itu adalah datangnya dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala*." Untuk tujuan ini, beberapa langkah, termasuk langkah-langkah berikut harus diberi perhatian dan usaha-usaha untuk merealisasikannya perlu dirancang untuk dilaksanakan.

### ***Harmonisasi Undang-Undang***

Sebagai sebuah Negara Zikir, Brunei Darussalam dirasakan perlu untuk menjadikan al-Qur'ān dan Sunnah atau Hukum Syara' sebagai *grundnorm* atau dasar pengesahan semua undang-undangnya<sup>2</sup> terutama undang-undang yang diwarisi dari pentadbiran British dahulu dan diamalkan hingga sekarang, yang umumnya ditadbirkan di Mahkamah Sivil. Mana-mana peruntukan undang-undang yang bercanggah dengan al-Qur'ān dan Sunnah atau Hukum Syara' hendaklah terbatal. Akta-akta dan undang-undang bertulis yang sedia terpakai harus diharmonisasikan supaya selaras dengan kehendak Hukum Syara'. Adalah difahamkan bahawa usaha-usaha ini sudah lama bermula. Mengenai perkara ini, KDYMM PSB Sultan di dalam titah Baginda, antara lain:

---

<sup>1</sup> Lihat Surah *al-Nisā'* (4): 58.

<sup>2</sup> Perkara 227(1) Perlembagaan Pakistan memperuntukkan:

"All existing laws shall be brought in conformity with the Injunctions of Islam as laid down in the Holy Quran and Sunnah, in this Part referred to as the Injunctions of Islam, and no law shall be enacted which is repugnant to such Injunctions."

Explanation: In the application of this clause to the personal law of any Muslim sect, the expression "Quran and Sunnah" shall mean the Quran and Sunnah as interpreted by that sect."

“Pada hemat Beta, dengan kita mempunyai dua sistem perundangan dan dua sistem kehakiman, syarak dan sivil, adalah tiada masalah jika ia dikekalkan berjalan seiring.

Yang sivil saja kita sudah banyak mensesuaikan dengan kehendak ugama, lagipun bukan semua sivil itu bertentangan dengan syarak. Mana-mana yang tidak bertentangan dengan syarak kita kekalkan ia, sementara yang bertentangan saja kita sesuaikan dengan kehendak syarak.”<sup>1</sup>

Sebaiknya usaha ini dikongsikan bersama oleh para pakar dalam kedua-dua bidang Syariah dan undang-undang supaya proses harmonisasi berjalan lancar dan berkesan.

Di Pakistan, perkara 203D dalam Perlembagaan Pakistan memberi kuasa *suo moto*<sup>2</sup> kepada Federal Shariat Court untuk memeriksa semua Akta dan undang-undang yang sedia terpakai sama ada atau tidak selaras dengan tuntutan Hukum Syara’.<sup>3</sup> Di akhir proses pemeriksaan, Federal Shariat Court telah membuat laporan dan mengesyorkan

---

<sup>1</sup> Lihat teks penuh Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mi'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, *Media Permata*, Rabu, 16hb Mac 2011, hal. 5 & 10.

<sup>2</sup> Bidangkuasa yang dilaksanakan sendiri oleh Mahkamah tanpa permintaan atau arahan rasmi mana-mana pihak.

<sup>3</sup> Perkara 203D Perlembagaan Pakistan memperuntukkan:

“The Court may, either of its own motion or on the petition of a citizen of Pakistan or the Federal Government or a Provincial Government, examine and decide the question whether or not any law or provision of law is repugnant to the injunctions of Islam, as laid down in the Holy Quran and Sunnah of the Holy Prophet, hereinafter referred to as the Injunctions of Islam.”

kepada pemerintah untuk mengambil tindakan sama ada terdapat mana-mana peruntukan dalam Akta atau undang-undang yang bercanggah dengan Hukum Syarak dipinda, dimansuhkan atau diubah supaya selaras dengan kehendak hukum ugama atau patuh Syariah. Sehingga tahun 2012, Federal Shariat Court telah memeriksa dan menyemak 512 Undang-undang Persekutuan dan 999 Undang-undang Provinsi dan mendapati 55 Undang-undang Persekutuan dan 212 Undang-undang Provinsi bercanggah dengan Hukum Syara'.<sup>1</sup>

### ***Pindaan kepada peruntukan Akta Pemakaian Undang-undang (Penggagal 2)***

Harmonisasi undang-undang sahaja tidak memadai kerana akhirnya sesuatu masalah perundangan akan sampai juga ke sidang Mahkamah. Negara Brunei Darussalam tidak menghadapi masalah isu perlembagaan dan cabaran perundangan dalam usaha memertabatkan undang-undang Islam secara menyeluruh kerana isu begini tidak wujud di dalam sistemnya. Prasarana perlembagaan dan perundangan yang ada amat menggalakkan pertumbuhan ke arah itu. Untuk memastikan undang-undang yang diharmonisasikan itu dapat ditadbirkan dengan licin, bidangkuasa Mahkamah Sivil harus diperluaskan dengan menggalakkan para Hakim mengguna pakai prinsip dan kaedah Hukum Syara' dalam membuat keputusan dan penghakiman, di samping amalan terbaik (*best practices*) yang sudah sedia terpakai dari pengalaman *common law* dan doktrin ekuiti sebelum ini, selagi ia tidak bercanggah dengan Hukum Syara'. Oleh itu, disarankan supaya peruntukan bab 2 Akta Pemakaian

---

<sup>1</sup> < <http://www.federalshariatcourt.gov.pk/Jurs.html> > (dirujuk 6.4.2014).

penghakiman Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan di Brunei, penulis merasakan bahawa para Hakim sudah semakin kurang bergantung kepada autoriti kes-kes *common law* England atau mencari panduan dari mana-mana kes negara Komonwel yang lain. Oleh yang demikian, migrasi dari keadaan bergantung pada sistem *common law* England kepada mencuba sistem *hybrid* ini, lama-kelamaan akan mewujudkan sistem *common law* Brunei sendiri yang berharmonisasi dengan Hukum Syara' dan patuh Syariah. Dengan kaedah begini, Mahkamah Sivil akan dapat sama menggunakan prinsip-prinsip Hukum Syara' dalam membuat keputusan perbicaraan, walaupun kes jenayah berkaitan Kanun Hukuman Jenayah (Penggai 22) yang dibicarakan hanya bersifat *ta'zīr*. Dengan perubahan amalan ini, ia bermakna Mahkamah Sivil akan bebas merujuk bukan saja kepada prinsip dan kaedah dalam *common law* England, tetapi juga merujuk dan memakai prinsip dan kaedah Hukum Syara', termasuk *maqāṣid al-sharī'ah*, demi keadilan yang diredai Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Lambat laun, sekiranya polisi penyatuan sistem keadilan diperkenalkan, Mahkamah Sivil pasti sudah bersedia untuk duduk sebungkus dengan Mahkamah Syariah. Para Hakim Mahkamah Sivil mungkin lebih bermanfaat mengikuti kursus-kursus berkaitan Hukum Syara' untuk membolehkan mereka mengadili kes-kes sebagaimana perlu menurut Hukum Syara' itu. Dengan ini, Mahkamah Sivil Brunei dapat mewujudkan anjakan paradigma perundangan dari hanya berkiblat semata-mata ke arah *common law* England kepada kaedah sama-sama mengaplikasikan Hukum Syara' yang selayaknya di Negara Zikir ini.

Saranan YAA Ketua Hakim Syar'ie di dalam Majlis Mesyuarat Negara suatu ketika dahulu, yang mencadangkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei

Darussalam supaya bakal-bakal Hakim Mahkamah Syariah yang mempunyai kelayakan Sarjana Muda Syariah dihantar untuk menjalani latihan dalam perkhidmatan program Sarjana Muda Undang-undang (LL.B) patut disokong dan dilaksanakan kerana dengan itu para Hakim Brunei di masa depan akan berkebolehan dan berkemahiran mengendalikan kes-kes sama ada kes di bawah perundangan Syariah atau undang-undang sivil.

### Hukum Qisās bagi *Qatl al-ʿAmd* dan Bunuh dalam Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22)

Kesalahan membunuh dengan niat masing-masing diperuntukkan di dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 dan Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22) seperti berikut:

| Bab 126 Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013                                                                                                                                                                                                                                                                            | Bab 302 Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22)                                                                                                                                                                                |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| “(1) Mana —mana orang yang telah melakukan <i>qatlul-ʿamd</i> dan dibuktikan sama ada dengan <i>ikrar</i> tertuduh, atau dengan <i>syahadah</i> sekurang-kurangnya dua orang <i>syahid</i> menurut <i>Hukum Syaraʿ</i> setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak <i>tazkiyah al syuhud</i> , adalah | Barang siapa yang melakukan kesalahan membunuh orang hendaklah dihukum mati.<br><br><i>Perhatian:</i><br>Bab 300 Kanun Hukuman Jenayah, antara lain, menyatakan:<br>“...mematikan orang dengan salah ialah membunuh orang — |

|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum mati sebagai <i>qisas</i>.</p> <p>(2) Mana-mana—</p> <p>(a) orang yang melakukan <i>qatlul-‘amd</i> dan dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah cerai (1);</p> <p>(b) orang yang bukan mukallaf melakukan <i>qatlul-‘amd</i>; atau</p> <p>(c) ibu atau bapa yang melakukan <i>qatlul-‘amd</i> terhadap anaknya sendiri,</p> <p>adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$100,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 25 tahun atau kedua-duanya sekali.</p> <p><u>Nota:</u></p> <p>Bab 125(a), (b) dan (c) Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 (PKHJS 2013), adalah seerti dengan peruntukan</p> | <p>(a) jika perbuatan yang menyebabkan kematian itu dilakukan dengan niat;</p> <p>(b) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan sesuatu kecederaan tubuh yang pesalah itu ketahui mungkin menyebabkan kematian orang yang dikenakan kecederaan itu;</p> <p>(c) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kecederaan tubuh kepada seseorang, dan kecederaan tubuh yang dimaksud hendak dikenakan itu adalah cukup, pada lazimnya, bagi menyebabkan kematian;</p> <p>(d) jika orang yang melakukan perbuatan itu ketahui bahawa perbuatannya itu amat ketara sekali berbahaya hingga besar sekali kemungkinan menyebabkan kematian, atau kecederaan tubuh yang sebegitu</p> |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

bab 300(a), (b) dan (c) Kanun Hukuman Jenayah (Penggalaan 22), yang bab 125 PKHJS 2013 menyatakan:

“...*qatlul-‘amd* bermakna mana-mana perbuatan yang berikut –

- (a) perbuatan yang menyebabkan kematian itu dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kematian;
- (b) perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kecederaan tubuh badan yang orang itu mengetahui mungkin menyebabkan kematian orang yang dikenakan kecederaan itu; atau
- (c) perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kecederaan tubuh badan kepada seseorang dan kecederaan anggota badan yang dimaksudkan untuk

bermungkinan akan menyebabkan kematian, dan ia melakukan perbuatan itu tanpa apa-apa alasan bagi mendatangkan risiko yang menyebabkan kematian, atau kecederaan tersebut sedemikian itu.”

|                                                                   |  |
|-------------------------------------------------------------------|--|
| dikenakan itu pada kebiasaannya cukup untuk menyebabkan kematian. |  |
|-------------------------------------------------------------------|--|

Jika diamat-amati kedua-dua kesalahan—*qatlul-‘amd* di bawah PKHJS 2013 dan ‘membunuh’ di bawah Kanun Hukuman Jenayah—kedua-duanya menetapkan elemen-elemen niat mematikan orang dengan salah yang sebanding dan boleh, jika sabit kesalahan, kedua-dua perundangan ini menetapkan pesalah dihukum mati.

Dua kesalahan yang serupa, tetapi satu darinya dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah dan satu lagi di Mahkamah Tinggi (Sivil). Yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah memerlukan semua bukti dan keterangan (*bayyinah*) dan diperkuatkan dengan *syahadah*, iaitu kesaksian dua orang *syahid* yang adil bagi membolehkan hukuman mati *qiṣās* dijatuhkan terhadap pesalah. Standard pembuktian yang diperlukan adalah pada tahap *yaqīn* (tanpa sebarang keraguan).

Sebaliknya, pembuktian sebegitu tinggi tidak diperlukan jika pesalah dibicarakan di Mahkamah Tinggi (Sivil), di bawah Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22)<sup>1</sup>. Sebarang bukti yang melepasi tahap keraguan yang munasabah (*beyond reasonable doubt*) atau *ẓann*, sudah memadai untuk mensabitkan kesalahan bunuh dan pesalah boleh dijatuhkan hukuman mati. Langkah pembuktian ini tidak patuh Syariah jika hukuman mati itu senada dengan hukuman mati *qiṣās*.

---

<sup>1</sup> Penal Code (Cap. 22).

Persoalannya, adakah negara selesa dengan percanggahan dua keadaan yang melibatkan isu keadilan di kaca mata perundangan Islam, apatah lagi jika percanggahan ini berterusan di dalam Negara Zikir. Apakah perlu standard pembuktian kesalahan ‘membunuh dengan niat’ di bawah bab 302 Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22) diselaraskan dengan keperluan pembuktian *qatlul-‘amd* di bawah Hukum Syara’? Atau, tidak wajarkah bab 302 itu di mansuhkan dan pesalah yang melakukan kesalahan membunuh semuanya dihadapkan ke Mahkamah Tinggi Syariah saja? Atau, tidak wajarkah hukuman ‘membunuh dengan niat itu’ di bawah bab 302 yang dihukum dengan hukuman ‘mati’ dipinda kepada hukuman penjara seumur hidup atau suatu tempoh penjara yang panjang dan boleh, di samping itu, dikenakan juga membayar gantirugi (seumpama *diyat*) kepada waris mangsa dan jika gagal membayar boleh dikenakan hukuman penjara tambahan?

Sayugia kita harus sedar pesanan al-Qur’ān bahawa apabila kita menjalankan hukum di antara manusia, Allah menyuruh kita menghukum dengan adil.<sup>1</sup> Oleh itu, amat wajar percanggahan yang boleh mendatangkan ketidak-adilan ini dipertimbangkan kerana kesalahan di bawah bab 302 itu hanya sebanding dengan kesalahan *qatlul-‘amd* yang bersifat *ta’zir*, di bawah bab 126(2) PKHJS 2013, kerana standard pembuktian yang sama, itu *zann* atau *beyond reasonable doubt*, atas pembuktian *bayyinah* semata-mata tanpa *syahadah*; dan dengan demikian tiada justifikasi mengenakan hukuman bunuh di bawah bab 302 itu.

Adalah dikhuatiri bahawasanya jika *dichotomy* sebegini berterusan, ia akan menyebabkan negara tidak menjalankan

---

<sup>1</sup> Lihat Surah *al-Nisā’* (4): 58.

Keseksaan (Penal Code) itu sebagai kesalahan *ta'zīr* kelihatan lebih praktikal.

Bab 55(3) PKHJS 2013 menyatakan juga bahawa hukuman *ta'zīr* yang sama boleh dikenakan kepada kesalahan *sariqah* jika dilakukan dalam keadaan yang disebut dalam bab-bab 56 dan 57. Persoalan sama ada adil atau tidak hukuman *ta'zīr* ini dikenakan, misalnya dalam keadaan di bawah bab 56 “(b) pesalah bukan *mukallaf*”?; atau “(h) apabila kesalahan itu dilakukan dalam keadaan yang amat mendesak seperti perang, kelaparan, penyakit dan bencana alam”; atau “(i) apabila kesalahan itu berlaku dalam keluarga seperti isteri mencuri daripada suaminya dan sebaliknya, atau anak mencuri dari bapanya dan sebaliknya”; atau “(l) apabila tuan punya harta itu tidak mengaku bahawa hartanya telah dicuri, walaupun pesalah itu telah membuat *ikrar* mencurinya”. Apakah *maqāṣid al-sharī'ah* terpenuhi dengan menghukum *ta'zīr* sebegitu berat, sedangkan peristiwa di zaman *al-Khulafā' al-Rāshidīn* dan pendapat setengah ulama menunjukkan kesalahan tersebut adakalanya dimaafkan atas sebab-sebab demikian. Sejauh manakah peruntukan di bawah bab 124 Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah, 2018 akan menyelamatkan keadaan masih terlalu awal untuk dipastikan kerana fasa kedua pelaksanaan PKHJS 2013 masih belum diisytiharkan.

### **Hukuman sebat: Pelaksanaan Mengikut Undang-undang Sivill dan Hukum Syara'**

Dalam isu sebatan, terdapat juga dua kaedah sebatan yang akan dilaksanakan selari. Satu kaedah sebatan mengikut

Hukum Syara'<sup>1</sup> yang dilaksanakan sebagai hukuman ke atas pesalah yang sabit atas kesalahan yang dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah, dan satu lagi sebatan konvensional yang dilaksanakan sebagai hukuman ke atas pesalah yang dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Sivil.

Sebatan menurut undang-undang sivil adalah berunsur penderaan atau penyeksaan (*ta'dhīb*) dan bercanggah dengan ketentuan Hukum Syara'. Pesalah yang disebat boleh cedera parah seperti yang dilaporkan berlaku di Singapura sekitar akhir 1980-an dan awal 1990-an. Pada 1991 Quek Kee Chong, berumur 26 tahun, telah membuat tuntutan terhadap kerajaan Singapura kerana menderita cedera parah di punggungnya. Kecelakaan parah itu adalah akibat menjalani hukuman sebat sebanyak 48 sebatan di Penjara Changi pada bulan April 1988. Quek telah terlantar di hospital akibat kecederaan tersebut. Sebelum itu Mahkamah telah menjatuhkan hukuman 12 sebatan bagi setiap satu dari empat pertuduhan rompakan bersenjata yang disabitkan ke atasnya. Adalah jelas bahawa ia tidak sepatutnya disebat 48 sebatan berturut-turut dalam tempoh waktu yang sama, kerana kaedah menyebat sedemikian adalah bercanggah

---

<sup>1</sup> Hukuman *hadd* sebat bagi kesalahan *zinā* yang melibatkan pihak-pihak *ghair muhsan*, misalnya, al-Qur'an dalam Surah *al-Nūr* (24) ayat 2 menetapkan "Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya 100 kali sebat...". (Lihat bab 69(1)(b) PKHJS 2013.) Bagi kesalahan *qadhaf* (tuduh orang berzina) pula, Surah *al-Nūr* (24) ayat 4 menetapkan hukuman *hadd* 80 sebatan (lihat juga bab 98(1) dan (2) PKHJS 2013). Salah satu jenis hukuman *ta'zir* yang diperuntukkan oleh *Hukum Syara'* ialah hukuman sebat, selain penjara dan lain-lain. Lihat juga Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam. (2013). *Qanun Jenayah Syar'iyah: Satu Pengenalan*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, hal. 239-243.

sama seperti yang terdapat dalam Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7)<sup>1</sup> yang terpakai di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah sebelum ini. Bab 124(2) PKPJMS 2018 menyatakan bahawa “[a]pabila mana-mana orang dipertuduh di hadapan Mahkamah Syariah atas suatu kesalahan yang boleh dihukum oleh Mahkamah Syariah itu selain dari kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan hukuman *hadd*, *qisas*, *diyat* atau *arsy* dan Mahkamah Syariah mendapati bahawa pertuduhan itu dibuktikan, tetapi berpendapat bahawa, dengan mengambil kira watak, latar belakang, umur, kesihatan atau keadaan mental orang yang dipertuduh itu, atau ringannya kesalahan yang dilakukan itu, atau hal keadaan yang meringankan yang di bawahnya kesalahan itu dilakukan, adalah tidak sesuai untuk mengenakan apa-apa hukuman atau menjatuhkan apa-apa hukuman selain dari hukuman ringan atau adalah wajar melepaskan pesalah itu dengan bersyarat, Mahkamah Syariah boleh, tanpa merekodkan suatu sabitan, mengeluarkan suatu perintah sama ada – (a) menolak pertuduhan atau aduan itu selepas teguran atau amaran kepada pesalah itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah Syariah; (b) memerintahkan supaya pesalah itu ditahan dalam sebuah rumah kebajikan atau tempat lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah Syariah bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun; atau (c) melepaskan pesalah itu dengan syarat dia mengikat bon dengan penjamin-penjamin, untuk berkelakuan baik dan hadir bagi sabitan yang akan direkodkan dan bagi hukuman apabila dipanggil pada bila-bila masa dalam tempoh tidak melebihi 3 tahun, sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu.”

---

<sup>1</sup> Misalnya bab 262 Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) bagi pesalah muda.

Peruntukan bab 124 PKPJMS 2018 ini tidak membolehkan pesalah yang boleh dibuktikan dan disabitkan dengan hukuman *hadd*, *qisas*, *diyat* atau *arsy* dikompromi dengan jaminan bon berkelakuan baik yang tersebut.

Kesalahan *hudūd* dan *qisās* di bawah PKHJS 2013 memperuntukkan hukuman *ta'zir* sekiranya kesalahan *hudūd* dan *qisās* itu tidak dapat dibuktikan mengikut keterangan dan kesaksian yang ditetapkan oleh Hukum Syara'. Kaedah ini nampaknya mudah tetapi jika tidak dilaksanakan dengan hati-hati boleh menyebabkan ketidak-adilan berlaku.

Sebagai contoh, sila lihat kesalahan zina di bawah bab 68 dan 69 PKHJS 2013:

*"Zina.*

68. (1) Seseorang lelaki dan perempuan dikatakan telah melakukan *zina* jika lelaki dan perempuan itu dengan sengaja telah melakukan persetubuhan tanpa pernikahan yang sah antara mereka atau persetubuhan itu bukan persetubuhan *syubhah*.

*Huraian* – Memasukkan *hasyafah* atau qadarnya adalah mencukupi sebagai menjadi persetubuhan yang perlu bagi kesalahan *zina*.

(2) Dalam bab ini –

“persetubuhan *syubhah*” bermakna persetubuhan yang dilakukan di atas anggapan sah akad nikah akan tetapi sebenarnya akad

Bab 69(2) PKHJS 2013 ini membolehkan seseorang yang dituduh berzina dihukum *ta'zīr* jika tidak dapat dibukti mengikut kehendak bab 69(1), dah boleh dihukum sehingga 30 sebatan dan dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun.

Jika kesalahan *zina* tidak dapat dibuktikan dengan *syahadah* empat orang *syahid*, misalnya 3 orang *syahid* nampak perbuatan zina dan nampak jelas lelaki itu “*memasukkan hasyafah atau qadarnya*”, tetapi seorang lagi tidak membuat kesaksian begitu, Saidina Umar ibn Khattab r.a. telah menghukum 3 saksi yang membuat kesaksian itu dengan hukuman *qadhaf*.<sup>1</sup> Yang dituduh berzina tidak dihukum.

Dalam kes yang hampir sama, yang dibawa ke hadapan pengadilan Saidina Ali bin Abi Talib r.a., 3 saksi memberi kesaksian positif, tetapi saksi yang ke-4 menyatakan yang ia hanya nampak pasangan berkenaan berada di bawah selimut. Saidina Ali telah menghukum 3 saksi yang membuat kesaksian dengan hukuman *qadhaf*, manakala yang dituduh berzina dihukum *ta'zīr*. Apa bentuk hukuman *ta'zīr* yang dikenakan oleh Saidina Ali tidak dinyatakan.<sup>2</sup>

Di bawah bab 88 PKHJS 2013, saksi seperti yang 3 orang di atas tidak dikenakan hukum *qadhaf* jika mereka memberikan kesaksian dengan such hati. Jika mereka memberikan kesaksian dengan tidak suci hati, mereka boleh dituduh melakukan *qadhaf* di bawah bab 89 Perintah yang sama.

---

<sup>1</sup> Surah *al-Nūr* (24) ayat 4.

<sup>2</sup> Subhi Mahmasani. (2009). *Kes-Kes Kehakiman Berkaitan Jenayah Hudud, Qisas dan Kekeluargaan di Zaman al-Khulafa' al-Rashidin*. (Terjemahan Md. Som Sujimon). Gombak: IIUM Press, hal. 42.

Jika diamat-amati, kesalahan *hadd* zina terhadap seseorang tidak digalakkan untuk dibawa ke pengadilan jika kesaksian sekurang-kurangnya 4 orang saksi tidak dapat dipastikan, kerana 'aib dan maruah seseorang perlu dijaga, walaupun ada keterangan dan *qarīnah* yang ia melakukan kesalahan itu, tetapi jumlah saksi mata tidak mencukupi 4 orang. Adalah lebih baik dan adil jika kes sedemikian dibawa di bawah pertuduhan selain "*zinā*", misalnya kesalahan "melakukan persetubuhan haram"<sup>1</sup>. Ini perlu diperuntukkan di mana hukuman *ta'zīr* boleh dijatuhkan tanpa label "*zinā*" dikenakan kepada diri pesalah. Jika pertuduhan *zinā* boleh dibawa ke pengadilan dengan sewenang-wenangnya, tidak mungkin amaran dan hukuman *qadhaf* ditetapkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Sudah pasti terdapat hikmah besar di sebaliknya. Kita harus sentiasa berwaspada dengan larangan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di dalam ayat 13 *Surah al-Nūr* (24):

﴿لَوْلَا جَاءُوا عَلَيْهِ بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَإِذْ لَمْ يَأْتُوا بِالشَّهَدَاءِ فَأُولَٰئِكَ عِنْدَ اللَّهِ هُمُ الْكَذِبُونَ﴾

Maksudnya:

"Mengapa mereka (yang menuduh itu) tidak mendatangkan empat orang saksi? Oleh kerana mereka tidak mendatangkan saksi-saksi maka mereka itulah pada sisi Allah orang-orang yang dusta."

---

<sup>1</sup> Kesalahan ini masih wujud di Brunei Darussalam di bawah bab 178(3) dan (4) Akta Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggagal 77) yang membawa kepada hukuman *ta'zīr*.

### Penutup

Setelah membentangkan hujah-hujah di atas, jawapan kepada hipotesis tersebut sudah sedia tersirat dan terjawab di dalam isu-isu yang dibangkitkan dan hujah-hujah yang diberikan di atas. Isu keadilan adalah penting dan terutama dalam sistem pentadbiran keadilan sesebuah Negara Zikir. Sesiapa saja yang terlibat dengan pelaksanaan sistem pentadbiran keadilan Syariah harus arif dan sentiasa waspada dengan perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha mendengar lagi Maha melihat.”

(*Surah Al-Nisā*: 58)

Dwi-sistem keadilan di Negara Brunei Darussalam harus berada di bawah satu bumbung, dengan bidangkuasa masing-masing yang jelas. Ini akan lebih merapatkan jurang *dichotomy* antara dua sistem ini bagi kepentingan utama negara ke arah pembentukan Negara Zikir yang sempurna. Banyak perkara yang harus dikaji dan diteliti

agar keadilan yang dikehendaki di bawah roh ayat 58 *Surah Al-Nisā'* itu terlaksana. Semoga di suatu ketika nanti, Negara Brunei Darussalam akan mempunyai satu sistem keadilan sahaja dan tidak lagi mempamerkan dua sistem yang berbeza, sebagai teras kepada kewujudan Negara Zikir, Negara Brunei Darussalam.

